

No. Soalan : 28
PR-1343-L75958

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR**
[TUMPAT]

TARIKH : **3 NOVEMBER 2016**

SOALAN : **Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]**
minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan
apakah langkah-langkah terkini kerajaan
Malaysia untuk menyelesaikan isu autonomi
wilayah Filipina Selatan terutama setelah
Filipina mempunyai Presiden baru.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tumpat di atas keprihatinan beliau terhadap proses pendamaian di Selatan Filipina. Proses pendamaian ini adalah penting kerana ia akan menyumbang ke arah keamanan, kestabilan dan kemakmuran serantau.

Tuan Yang di Pertua,

2. Seperti Dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia senantiasa komited dalam usaha mencari keamanan yang berpanjangan di Selatan Filipina. Malaysia telah memainkan peranan sebagai fasilitator kepada proses perdamaian di antara Kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) sejak 2001 sehingga berjaya membawa kepada persetujuan kedua-dua belah pihak bagi penubuhan Bangsamoro melalui Perjanjian Komprehensif mengenai Bangsamoro (CAB) pada 27 Mac 2014.

3. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum juga, Kerajaan Filipina dan MILF telah menyediakan satu draf undang-undang autonomi yang dipanggil Bangsamoro Basic Law (BBL). Walau bagaimanapun, Draf BBL tersebut tidak dapat dipertimbangkan oleh Kongres Filipina kerana Kongres telah berhenti bersidang pada 5 Februari 2016 untuk memberi ruang kepada ahli-ahli politik Filipina untuk memulakan kempen pilihanraya masing-masing sempena Pilihanraya Umum Filipina pada 9 Mei 2016 yang

lalu. Oleh itu, Draf BBL ini tidak dapat dipertimbang dan diluluskan di bawah pentadbiran Presiden Benigno Aquino III.

4. Di bawah pentadbiran baru President Rodrigo Duterte, wakil-wakil Kerajaan Republik Filipina dan wakil-wakil Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) selaku Panel Pendamai telah mengadakan Majlis *Formal Launching of Implementing Panels for the Bangsamoro Agreements* di Kuala Lumpur pada 13 – 14 Ogos 2016 yang menjurus ke arah pelaksanaan Pelan Damai Bangsamoro. Penasihat Presiden Dalam Proses Damai Selatan Filipina, Setiausaha Jesus Dureza telah mengetuai delegasi Kerajaan Filipina dalam mesyuarat rasmi pertama antara kerajaan dan MILF di bawah pentadbiran Duterte.

5. Kedua-dua pihak membincangkan CAB yang telah ditandatangani pada tahun 2014 dan *Final Peace Agreement* 1996 (FPA) untuk membentuk Pelan Damai yang lebih luas dan inklusif. Draf instrumen baru ini dijangka akan merangkumi semua perjanjian damai yang telah ditandatangani di antara Bangsamoro dan Kerajaan Filipina iaitu :- CAB, FPA, dan undang-undang tadbir Wilayah Autonomi Islam Mindanao (ARMM) serta *Indigenous People's Rights Acts* (IPRA).

6. YAB Perdana Menteri di dalam satu kenyataan pada 15 Ogos 2016 memaklumkan bahawa Malaysia akan kekal komited kepada Proses Rundingan Damai Selatan Filipina selama yang dikehendaki. Pihak Filipina telah merakamkan penghargaan kepada Malaysia di atas komitmen dan sokongan yang berterusan di dalam Proses Damai Selatan Filipina. Pihak

Filipina juga memohon supaya Malaysia terus kekal komited di dalam program-program bina upaya dan pembangunan masyarakat Bangsamoro.

7. Malaysia bersedia untuk terus memainkan peranannya sebagai fasilitator dan mengadakan *engagement* berterusan dengan pelbagai *stakeholders* di Filipina terutamanya Pejabat Presiden Filipina, Pejabat Penasihat Presiden Mengenai Rundingan Damai (*Office of the Presidential Adviser on the Peace Process-OPAPP*), MILF dan juga melalui Pertubuhan Persidangan Kerjasama Islam (*Organization of Islamic Conference-OIC*) dalam usaha memastikan kejayaan pelaksanaan draf instrumen baru tersebut.

8. Di samping itu juga, Malaysia akan turut memberi sokongan melalui komitmen kepada Tim Pemantauan Antarabangsa – Mindanao (IMT-M). Penglibatan IMT-M di Mindanao sejak tahun 2004 telah berjaya mengurangkan jumlah laporan pelanggaran gencatan senjata/permusuhan (*ceasefire/hostility violation*) di antara Kerajaan Filipina dan MILF secara drastik. Sebagai contoh, hanya 16 insiden dilaporkan pada tahun 2004 berbanding 569 pada tahun 2003. Ia terus berkurangan di mana tiada sebarang insiden pelanggaran gencatan senjata dilaporkan pada tahun 2013, 2014 dan 2015. Dalam hubungan ini, mandat IMT-M telah dilanjutkan selama setahun lagi bermula 15 Mac 2016 hingga 14 Mac 2017.

9. Malaysia juga akan terus membantu membangunkan keupayaan atau *capacity building* institusi-institusi dan sosio-ekonomi Bangsamoro antaranya melalui *Malaysian Technical Cooperation Program* (MTCP) yang

terbukti memberikan impak positif kepada peserta. Kerjasama ini meliputi perkongsian pengalaman serta melatih masyarakat Bangsamoro dalam bidang urustadbir, pendidikan, pertanian dan sektor sosio-ekonomi yang berkenaan termasuk pembangunan luar bandar. Dari Februari 2014, seramai 139 peserta dari Bangsamoro telah dilatih di bawah Program MTCP di Malaysia. Program-program ini, secara tidak langsung akan dapat meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Bangsamoro dan menjamin keamanan dan kestabilan rantau tersebut.

10. Malaysia akan terus memantau status pelaksanaan CAB ini di antara pihak Kerajaan Filipina dan MILF. Malaysia selaku pihak ketiga dan pemudahcara kepada proses damai ini, bersedia untuk memastikan kedua-dua pihak bekerjasama bagi memenuhi komitmen masing-masing selepas menandatangani perjanjian damai tersebut.

Sekian, terima kasih.